

PERBARISAN BULANAN KOMANDAN PANGKALAN DI PU GONG KEDAK



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2361-perbarisan-bulanan-komandan-pangkalan-di-pu-gong-kedak

GONG KEDAK, 25 Ogos 17 – Perbarisan Bulanan Komander Pangkalan Udara Gong Kedak telah diadakan di Dewan Serbaguna Pangkalan yang diketuai oleh Mej Azli bin Wahab TUDM. Perbarisan ini telah dihadiri seramai 20 Pegawai dan 352 Anggota Lain-lain Pangkat dan kakitangan Awam.

Dalam majlis tersebut Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Suhaimi bin Hussain TUDM telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat kepada PW U II Abdul Rahman bin Rahmat dinaikkan pangkat ke Pemangku PW I, F/Sjn Saidin Derawi bin Kassim, F/Sjn Muhammad Amran bin Liman, F/Sjn Musa bin Mohamad@Muda, F/Sjn Mohammad Haris bin Ibrahim dinaikkan pangkat ke Pemangku PW U II manakala Sjn U Riduan bin Zakaria, Sjn U Mohd Hasnan bin Hussin dinaikkan pangkat ke Pemangku Flait Sarjan. Turut berlangsung penyerahan cek sumbangan dari Tabung Zakat Angkatan Tentera kepada PW U II Rahamad bin Abdul Majid dan PW U II Musa bin Mohamad@Muda.

Dalam ucapan Komander Pangkalan, beliau turut menerangkan tentang Program Transformasi Nasional 2050 Pertahanan (TN50D) kepada semua peringkat anggota Pangkalan Udara Gong Kedak.





